

Pasukan UMS layak ke final Liga Ragbi Kota Kinabalu

UB 23.4.2014 A14

Oleh JOHAN AZIZ

KOTA KINABALU: Pasukan Ragbi Universiti Malaysia Sabah (UMS) layak ke final Kejohanan Liga Ragbi Kota Kinabalu bertemu Kepayan Tigers pada perlawanan akhir yang akan diadakan di padang Sukma di sini pada 10 Mei bermula jam 2.30 petang.

Penasihat Pasukan Ragbi UMS, Dr Mohamad Nizam Nazaruddin memberitahu di sini kelmarin berkata, pasukan Kepayan Tigers yang mendapat tempat kedua dalam kumpulan pada kejohanan itu pernah ditewaskan oleh UMS semasa perlawanan awal kejohanan itu.

Katanya, pasukan UMS menyertai kejohanan ini adalah untuk kali yang pertama selepas kejohanan terakhir yang mereka sertai iaitu Kejohanan UMS Open La Salle pada tahun lepas.

"Pasukan UMS telah melakukan persediaan awal ia itu dua bulan sebelum kejohanan bermula dan majoriti pemain kali ini adalah dari kalangan pelajar tahun satu.

"Selain itu, pasukan ini juga



PEMAIN Fiji UMS (memegang bola) cuba dihalang oleh pemain Pride.

turut diperkuatkan oleh pelajar antarabangsa iaitu daripada negara Fiji," katanya.

Nizam berkata, pasukan UMS telah menunjukkan peningkatan prestasi yang baik dan yakin sekiranya rentak permainan mereka konsisten, mereka mampu menjuarai kejohanan kali ini.

Menurut beliau, pasukan Ragbi UMS telah menaypu

bersih dengan memenangi kesemua perlawanan dan berjaya menewaskan ke semua pasukan-pasukan lain dalam kumpulan yang menyertai Liga itu.

"Pasukan Ragbi UMS telah memulakan perlawanan pertama mereka dengan bertemu pasukan Pride yang agak tegang dan berakhirdengen pergaduhan yang melibatkan

kedua-dua pasukan.

"Pergaduhan itu semakin sukar dikawal apabila orang luar mula campur tangan. Perlawanan terpaksa dihentikan dan kemenangan diberikan kepada UMS Heron berdasarkan undang-undang pertandingan iaitu kemenangan akan diberikan kepada pasukan yang mendahului sebelum perlawanan dihentikan. UMS

Heron menang dengan mata 10-0," katanya.

Nizam memberitahu bahawa pada perlawanan kedua ketika menentang pasukan Kepayan Tigers berlangsung agak seimbang. Pada separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan sering berbalas serangan dan menunjukkan kemahiran yang tinggi namun pasukan UMS berjaya mendominasi perlawanan seterusnya dengan kemenangan 28-8.

Pada perlawanan ketiga



NIZAM (berdiri kanan) sedang memberikan kata-kata perangsang kepada pemain semasa sesi latihan.



AKSI perlawanan persahabatan UMS dengan pasukan KK Shark.

katanya menyaksikan, UMS menewaskan Karamunsing Monster di mana UMS mendominasikan sejak dari mulaperlawanan. Karamunsing Monster yang tewas telah berjaya mendapatkan mata melalui satu try dan satu penalti.

Sementera itu, ketua pasukan UMS Deirdre Daryl Dasing berkata, sememangnya pasukan UMS mensasarkan perlawanan akhir dalam kejohanan ini dan berharap pemain-pemain mampu untuk memperkenalkan permainan yang mantap pada perlawanan akhir itu seterusnya menjuarai kejohanan ini.